

01 DEC 1997

Harga-MTUC

JANGAN NAIKKAN HARGA SEMBARANGAN, KATA MTUC

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa semua pengeluar, pemborong dan peniaga untuk mematuhi nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan dengan sesuka hati.

Presiden MTUC Encik Zainal Rampak semasa membuat gesaan itu berkata masalah ekonomi yang dihadapi Malaysia kini boleh ditangani dengan baik hanya jika para peniaga bersikap bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan negara dalam jangka masa panjang.

"MTUC sering menggesa para ahli perniagaan agar tidak terus membebankan pengguna Malaysia dengan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan kerana kemerosotan nilai ringgit telah menyebabkan kita lebih miskin kira-kira 30 peratus.

"Sebarang kenaikan dalam harga hanya akan menyebabkan peningkatan inflasi dan kuasa membeli yang lebih rendah," katanya dalam kenyataan di sini.

Zainal berkata Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) harus mempertimbangkan mewujudkan penguatkuasaan undang-undang menjaga kebajikan pengguna. Perkara itu doleh dijalankan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kesatuan-kesatuan sekerja dan persatuan pengguna yang lain.

"Bagi kami, kami bersedia berkerjasama dan memberi bantuan kepada pihak penguatkuasa untuk memastikan harga di negara ini berpatutan dan bersesuaian kerana perkara itu membabitkan sejumlah besar pekerja kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya.

Sementara itu Timbalan Setiausaha Agung DAP Lim Guang Eng menggesa kabinet, yang dilaporkan akan membuat keputusannya Rabu ini, supaya menolak sebarang permohonan untuk menaikkan harga minyak masak berdasarkan tiga sebab.

Sebab pertama ialah kenaikan harga antarabangsa minyak kelapa sawit daripada RM1,250 kepada RM1,680 bagi satu tan bukan disebabkan oleh kekurangan bekalan atau tambahan permintaan.

Ia semata-mata disebabkan oleh penurunan nilai ringgit kerana perniagaan minyak itu dijalankan dalam dolar Amerika Syarikat, katanya dalam kenyataan.

Sebab kedua, kata beliau, pengeluar minyak kelapa sawit mengeksport 95 peratus keluaran mereka manakala hanya 5 peratus sahaja untuk kegunaan tempatan dan adalah susah diterima bahawa keuntungan daripada eksport 95 peratus itu tidak boleh mensubsidikan kegunaan tempatan yang hanya 5 peratus sahaja.

Lim berkata, sebab ketiga ialah kenaikan dolar AS telah mengakibatkan pengeluar kelapa sawit memperolehi "durian runtuh" sebanyak RM2 bilion apabila pendapatan naik kepada RM13 bilion tahun ini daripada RM11 bilion tahun lepas.

"Apakah pendapatan tambahan RM2 bilion ini berbanding dengan sumbangan tambahan sebanyak RM25 juta kepada rakyat?" tanya beliau.

Lim juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah betul apabila beliau menyatakan semalam bahawa tiada sebab mengapa pengeluar kelapa sawit perlu menaikkan harga tempatan apabila kos mereka tidak naik.

Beliau juga mahu supaya Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,

Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkeras bahawa harga minyak masak tidak harus dinaikkan satu sen pun. -- BERNAMA

AFY AU RHM